

# PHARMANIAGA SALBUTAMOL EXPECTORANT

Salbutamol/Guaiphenesin (1mg/50mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Salbutamol Expectorant
2. Bagaimana Pharmaniaga Salbutamol Expectorant berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Salbutamol Expectorant
4. Cara mengambil Pharmaniaga Salbutamol Expectorant
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Salbutamol Expectorant
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Salbutamol Expectorant
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pharmaniaga Salbutamol Expectorant

Pharmaniaga Salbutamol Expectorant digunakan untuk merawat batuk yang produktif dan masalah berdehit yang berkait dengan penyakit asma, radang paru-paru, selsema dan jangkitan pernafasan akut (jangkitan yang mempengaruhi fungsi pernafasan biasa).

## Bagaimana Pharmaniaga Salbutamol Expectorant berfungsi

Salbutamol tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil bronkodilator. Salbutamol mengendurkan otot-otot pada dinding saluran pernafasan kecil dalam peparu. Ini membantu untuk membuka laluan udara dan membantu melegakan masalah dada ketat, masalah berdehit dan batuk supaya anda boleh bernafas dengan mudah.

Guaifenesin merupakan sejenis ekspektoran. Ia berfungsi dengan menipiskan dan mencairkan kahak atau mukus di saluran pernafasan, melegakan masalah penyumbatan,

dan membuatkan pernafasan menjadi mudah.

## Sebelum menggunakan Pharmaniaga Salbutamol Expectorant

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Salbutamol Expectorant sekiranya anda:

- hamil atau menyusukan bayi
- mengalami alahan kepada salbutamol, guaifenesin atau bahan-bahan dalam kandungan ubat ini (seperti dalam senarai dibawah)

Sesetengah tanda-tanda tindak-balas alahan termasuklah:

- sesak nafas, masalah berdehit atau kesukaran bernafas,
- bengkak muka, bibir, lidah atau bahagian badan yang lain,
- ruam, gatal-gatal atau gegata pada kulit.

### -Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alergi/alah terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi. Doktor atau ahli farmasi anda akan membincangkan risiko dan faedah yang terlibat.

Masalah kesihatan lain boleh mengganggu fungsi ubat ini. Sebelum mengambil ubat ini, beritahu doktor anda semua masalah kesihatan anda, terutamanya:

- kencing manis (diabetes) atau
- penyakit jantung atau salur darah seperti penyakit jantung iskemia (bekalan darah ke jantung berkurangan), aritmia (denyutan jantung tidak sekata) atau takikardia (kadar denyutan jantung pantas)
- tekanan darah tinggi atau
- hipertiroid (kelenjar tiroid hiperaktif)

- angina pektoris (sakit dada)
- glaukoma sudut tertutup (tekanan di dalam mata meningkat)

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan lain.

Interaksi mungkin boleh berlaku antara salbutamol dan salah satu daripada ubat-ubat berikut:

- penyekat beta (seperti propranolol, metoprolol)
- sesetengah diuretik/'pil buang air' (seperti hydrochlorothiazide)
- digoksin
- kortikosteroid
- *aminophylline* atau *xanthines*

Sekiranya anda mengambil salah satu daripada ubat-ubat tersebut, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

## Cara mengambil Pharmaniaga Salbutamol Expectorant

Ikut segala arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Arahan tersebut mungkin berbeza daripada risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan pada label ubat tersebut, sila rujuk kepada ahli farmasi, jururawat atau doktor untuk keterangan lanjut.

### Berapa banyak harus diambil

Dewasa: 10-20ml

Kanak-kanak: 5-10ml

Untuk diambil dua atau tiga kali sehari

### -Bila perlu diambil

Jangan ambil lebih daripada dos yang disyorkan. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

# PHARMANIAGA SALBUTAMOL EXPECTORANT

Salbutamol/Guaiphenesin (1mg/50mg per 5ml)

---

## -Berapa lama perlu diambil

Teruskan mengambil ubat ini selama mana doktor anda mengarahkannya.

Anda harus meneruskan pengambilan ubat ini walaupun anda sudah berasa sihat.

## -Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja teringat. Walaubagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Simptom dos berlebihan adalah kesan lanjutan daripada kesampingan.

## **Semasa menggunakan Pharmaniaga Salbutamol Expectorant**

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Pharmaniaga Salbutamol Expectorant.

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom anda tidak bertambah baik. Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan memberitahu sama ada anda perlu

meneruskan atau tidak pengambilan ubat ini.

## -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Pharmaniaga Salbutamol Expectorant untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disarankan kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera berat sehingga anda mengetahui kesan Pharmaniaga Salbutamol Expectorant terhadap anda.

## **Kesan-kesan sampingan**

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda tidak berasa sihat semasa mengambil Pharmaniaga Salbutamol Expectorant. Ubat ini membantu kebanyakan orang tetapi ianya berkemungkinan memberikan kesan sampingan pada sesetengah orang.

Semua ubat-ubatan akan menghasilkan kesan sampingan.

Kadang-kadang kesan sampingan ini serius, kadang-kadang ianya tidak. Anda mungkin memerlukan pemerhatian perubatan sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

Jangan bimbang dengan senarai kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami

masalah berikut dan ianya membimbangkan anda:

- terketar-ketar terutamanya tangan anda
- kadar degupan jantung laju dari biasa atau tidak sekata
- sistem rangka otot: otot menjadi kejang dan tegang
- pening kepala
- vasodilatasi periferi (pembangunan salur darah)

Kebanyakan kesan sampingan ini adalah sementara dan biasanya akan hilang dengan masa. Walau bagaimanapun, jika mana-mana satu kesan sampingan masih kekal, anda harus memaklumkan doktor anda.

Guaifenesin boleh menyebabkan ketidakselesaan pada gastrousus dan dos yang besar boleh menyebabkan rasa loya dan muntah.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adverse ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel : 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*)

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Salbutamol Expectorant**

### -Penyimpanan

Simpan ubat ini di tempat yang dingin dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan menyimpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melepasi tarikh luput yang dicetak pada bungkusannya.

# PHARMANIAGA SALBUTAMOL EXPECTORANT

Salbutamol/Guaiphenesin (1mg/50mg per 5ml)

---

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**  
19/10/2015

**-Pelupusan**

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)270815/00287

**Maklumat lanjut**

**-Rupa dan warna produk**

Cecair jernih, tidak berwarna, berperisa rasberi.

**-Bahan-bahan kandungan:**

Bahan aktif:

Pharmaniaga Salbutamol  
Expectorant mengandungi (setiap 5ml) Guaifenesin 50mg, Salbutamol 1mg

Bahan-bahan tidak aktif:

*Ciric Acid Anhydrous, Disodium EDTA, Raspberry Flavour, Sorbitol Solution, Purified Water, Glycerin, Sodium Benzoate, Sodium Saccharin dan Sodium Citrate.*

**-Nombor MAL:**

MAL19970957AZ

**Pengilang:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
(60016-D),  
11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
(60016-D),  
11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.